

PENERBITAN MAJALAH DI KELANTAN: ANALISIS TULISAN DATO' YUSOFF ZAKY DALAM MAJALAH PENGASUH
(Publication of Magazines in Kelantan: Analysis of Dato' Yusoff Zaky's Writing in Pengasuh)

Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid*

Abstrak

Majalah Pengasuh menjadi wadah yang meladung pelbagai hasil karya ulama sejak dari awal penerbitannya hingga kini. Artikel ini akan membincangkan dua perkara, (1) perkembangan penerbitan majalah di Kelantan secara umum dan majalah Pengasuh secara khusus, (2) penglibatan Dato' Yusoff Zaky dalam menghasilkan karya tulis khususnya mengenai tafsir al-Quran dalam majalah Pengasuh, serta ulasan mengenai gaya dan bentuk penulisan beliau. Untuk melatari dua objektif tersebut, akan dibincangkan secara ringkas sejarah penerbitan majalah Pengasuh dan biodata beliau. Artikel ini akan memaparkan kekuatan karya Dato' Yusoff Zaky dan juga lingkungan tajuk-tajuk tulisan beliau yang bersesuaian dengan keperluan pembaca Pengasuh pada masa itu. Kesimpulannya, beliau berjaya menjadikan majalah Pengasuh amat luas lingkungan pembacanya hingga ke Singapura, Brunei dan Thailand.

Kata kunci: Perkembangan Majalah, Majalah Pengasuh, Tulisan Dato' Yusoff Zaky, karya agama

Abstract

Pengasuh is a magazine that covers writings of religious scholars since the beginning of its publication until nowadays. Hence, this article discusses on two important matters: (1) the development of magazine publications in Kelantan in general and the publication of Pengasuh in particular, (2) Involvement of Dato' Yusoff Zaky in producing his works especially regarding the interpretation of the Quran in Pengasuh, as well as commentary on his style and form of writing. To achieve these objectives, this article discusses the historical background of Pengasuh publication and biography of Dato' Yusoff Zaky. Furthermore, it discusses the strengthness of Dato' Yusoff Zaky's writing and topics of his writings which have meet the needs of Pengasuh readers during that period. In conclusion, Pengasuh has great influence and reached number of readers including in Singapore, Brunei and Thailand due to Dato' Yusoff Zaky's effort in establishing the magazine.

Keywords: Development of magazines, Pengasuh, writings of Dato' Yusoff Zaky, religious literature

Pendahuluan

Gerakan intelektual Melayu pada awal abad ke-20 berkembang dengan begitu pesat sekali. Perkembangan itu berlaku secara menyeluruh di seluruh negeri di Malaysia, dan tidak ketinggalan negeri Kelantan juga mempunyai sejarah perjuangan intelektual Melayu yang menarik untuk diperkatakan. Dalam bidang pendidikan, negeri Kelantan pernah menempa nama sebagai sebuah negeri yang subur dengan bajaan ilmu dan institusi pendidikan agama sejak kurun ke-19 lagi, Kelantan amat popular dengan sekolah pondok yang para pelajarnya terdiri daripada pelajar dalam dan luar negeri. Institusi inilah yang merupakan naklues penting yang berjaya membentuk minda dan corak kehidupan beragama yang kukuh dalam setiap aspek kehidupan masyarakat Kelantan. Dari sudut yang lain pula, walaupun Kelantan agak terpencil kerana geografinya atau sengaja dipencilkan namun perkembangan pemikiran dan budaya masyarakat Melayu Kelantan tidak jauh ketinggalan berbanding dengan negeri-negeri Melayu lain yang lebih hampir dengan pusat pentadbiran Inggeris di Kuala Lumpur atau Singapura. Maka, dapatlah dikatakan bahawa apa sahaja bentuk perkembangan yang berlaku di Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-negeri Selat,¹ ianya juga turut berlaku di Kelantan walaupun dalam bentuk dan coraknya yang tersendiri. Jika

* Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid, Senior Lecturer, Department of Islamic History and Civilization, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. Email: faisal@um.edu.my.

¹ Negeri-negeri Melayu Bersekutu ialah sebuah sistem persekutuan untuk empat negeri Semenanjung Tanah Melayu iaitu Pahang, Perak, Selangor, dan Negeri Sembilan. Sistem ini dilaksanakan oleh pihak British pada tahun 1895 dan ia bertahan sehingga tahun 1946. Manakala Negeri-negeri Selat pula ialah Penempatan Selat koloni diraja Britain diwujudkan pada 1826. Negeri-negeri Selat ini terdiri dari negeri Pulau Pinang, Melaka, Singapura dan Dinding. Kesemua negeri ini dahulunya di bawah jajahan takluk British.

dilihat perkembangan dari sudut infrastuktur jalan raya dan pembangunan fizikal, negeri Kelantan mungkin lebih terkebelakang berbanding dengan negeri di Selatan tanah air, namun dari segi perkembangan pemikiran dan budaya bangsa sejak sebelum dan selepas perang dunia ke-2, selain Singapura dan Pulau Pinang, Kota Bharu juga menjadi pesaing hebat kepada dua bandar tersebut dalam bidang pemikiran dan penerbitan buku atau majalah Melayu.²

Ramai pengarang dan budayawan Melayu dari seluruh pelusuk tanah air mula berhijrah ke Singapura dan Pulau Pinang untuk mengembangkan idea dan gagasan pembaharuan mereka, namun apa yang menjadi kebanggaan Kota Bharu pula ialah kebanyakan pengarang dan budayawan yang membawa idea pembaharuan itu adalah terdiri dari anak jati Kelantan sendiri. Walaupun terdapat beberapa individu yang berhijrah ke Kelantan untuk mengembang dan membantu perkembangan idea pembaharuan di Kelantan namun bilangan mereka amat kecil.³ Ismail Husin mengambarkan bahawa, “Kelantan merupakan negeri yang sudah lama tumbuh suatu penghidupan keintelektualan dan kesusasteraan yang sama suburnya dengan negeri-negeri lain di Malaysia, namun amat sedikit diketahui orang pada hari ini.”⁴ Kenyataan ini diungkap juga oleh Nik Mohamed bin Nik Mohd Salleh, yang mengakui bahawa para pengkaji sejarah tanah air amat kurang memberi perhatian kepada perkembangan persuratan di Kelantan⁵ walaupun perkembangan intelektual dan gerakan inteligensia Melayu di Kelantan berjalan seiring dengan gerakan inteligensia Melayu di negeri-negeri lain.

Jika penerbitan majalah dan akhbar dijadikan sebagai kayu ukur perkembangan gerakan inteligensia Melayu, maka Kelantan boleh dikatakan mempunyai sejarah penerbitan persuratan Melayu yang amat membanggakan. Pada peringkat awal penerbitan majalah dan akhbar Melayu di Kelantan, ianya berjalan atas daya usaha dan inisiatif beberapa orang individu dan saudagar yang prihatin dengan idea perubahan. Gerakan pembaharuan dan kesedaran minda masyarakat Melayu di Kelantan mula bergerak secara tersusun dengan penubuhan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dan terdahulu dari itu penubuhan beberapa kelab Melayu seperti Persekutuan New Club Pasir Puteh. Rentetan dari penubuhan itu perkembangan persuratan Islam di Kelantan bergerak dengan rancak sekali. Usaha-usaha murni MAIK bermula dengan penubuhan Madrasah Muhammadiyah pada tahun 1917, iaitu dengan memulakan kelas bahasa Inggeris pada tahun 1918, dan pada tahun yang sama mula menerbitkan buku-buku teks terjemahan dari bahasa Arab ke bahasa Melayu untuk kegunaan pelajar di madrasah Muhammadiyah dan sekolah aliran agama atau pondok yang lain.⁶ Pada Julai tahun 1918, MAIK telah menerbitkan majalah Pengasuh bagi memenuhi matlamat MAIK untuk menerbit dan mencetak kitab-kitab agama.⁷ Suatu yang membanggakan juga ialah penerbitan majalah Pengasuh merupakan majalah pertama yang dikeluarkan oleh majlis agama Islam negeri dan menjadi majalah yang tertua pernah diterbitkan dan masih diterbitkan hingga kini.

Sejarah penerbitan majalah Pengasuh yang kini telah mencecah usia 100 tahun menjadikan ianya menarik untuk diperkatakan. Walaupun dalam usia yang relatif panjang ini, penerbitannya pernah terhenti untuk beberapa kali namun dengan semangat dan daya juang tinggi yang dimiliki oleh Ketua Pengarang Pengasuh dan sokongan yang jitu dari MAIK menyebabkan Pengasuh dapat diteruskan penerbitannya. Sepanjang sejarahnya yang panjang itu, Pengasuh pernah menjadi medan pertemuan dan percambahan fikiran di kalangan ilmuan Islam tanah air. Ia juga menjadi rujukan kepada para imam dan masyarakat Islam mengenai persoalan yang berkaitan dengan agama dan juga berita-berita semasa sama ada yang berlaku di dalam atau di luar negara.

Penerbitan Majalah di Kelantan

Kelantan antara negeri-negeri di Tanah Melayu yang giat menerbitkan buku, majalah dan akhbar. Antara tahun-tahun 1918 hingga 1941 Kelantan telah menerbitkan sebanyak 12 buah majalah, buku dan beberapa kitab agama yang menjadi teks di segenap pelusuk institusi pengajian pondok. Antara majalah yang telah diterbitkan itu 11

² Hamed Mohd Adnan (2000), “Profil Ringkas Penerbitan Majalah Melayu Abad Ke-20,” Prosiding Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu, Anjuran Dewan Bahasa Dan Pustaka dan Universiti Pendidikan Sultan Idris pada 24-25 Ogos 2000, h. 10.

³ Antara tokoh luar yang banyak menyumbangkan idea pembaharuan di Kelantan ialah Haji Muhammad Adnan Arifin yang pernah dilantik menjadi Ketua Pengarang Pengasuh dan juga guru bahasa Inggeris di Maahad Muhammadiyah dalam tahun-tahun sebelum dan selepas awal kemerdekaan negara.

⁴ Ismail Husin (1972), “Kesusasteraan Kelantan,” *Dewan Sastra*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 31.

⁵ Nik Mohamed bin Nik Mohd Salleh (1984), *Warisan Kelantan III*, Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, h. ix.

⁶ Menjadi salah satu matlamat utama penubuhan MAIK adalah untuk menerbitkan majalah berbentuk agama dan menterjemah kitab-kitab agama ke dalam bahasa Melayu.

⁷ Abdul Razak Mahmud (1988), “Beberapa Catatan Tentang Pengasuh,” *Pengasuh*, Kota Bharu: Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, bil. 493, Julai- Ogos 1988, h. 17.

buah daripadanya diterbitkan di Kota Bharu dan satu di Pasir Puteh.⁸ Walaupun majalah pertama yang diterbitkan di tanah Melayu ialah di Negeri-Negeri Selat seperti Melaka, Pulau Pinang dan Singapura, namun Kelantan juga tidak ketinggalan dalam aspek persuratan dan juga pendidikan. Sebenarnya perkumpulan penulis yang pertama muncul di Kelantan ialah Majlis Perkitabab sekitar tahun 20-an. Perkumpulan ini dipimpin oleh Nik Idris bin Nik Jaafar yang ketika itu bekerja sebagai kerani besar di pejabat Perdana Menteri Kelantan.⁹ Setelah itu *Putra Club* ditubuhkan dalam tahun 1929 atas daya usaha A. Asaad Shukri bersama rakan-rakannya yang lain seperti A. Kadir Adabi, Nik Yusuf Hilmi dan Muhammad B. Haji Salam. Usaha yang paling ketara ke arah matlamat tersebut ialah apabila persatuan ini menerbitkan majalah sendiri yang di beri nama *Putra*. Akhirnya majalah *Putra* dan *Putra Club* terpaksa di bubarkan gara-gara sebuah penulisan yang berjudul "*Ulama Mana Pengganti Nabi-Nabi*".¹⁰

Dalam tahun 1934, sebuah lagi persatuan penulis telah ditubuhkan di Kelantan. Persatuan ini diberi nama Persatuan Penulis Muda Kelantan. Persatuan ini dipimpin oleh Muhammad Zain Hukmi sebagai pengerusinya dan Muhammad Yusof al-Ayubi sebagai anggotanya. Perkumpulan-perkumpulan penulis ini berperanan menyokong kegiatan penerbitan dan percetakan yang tumbuh di Kelantan pada masa itu. Karya-karya dari penulis yang mengelompokkan diri mereka dalam perkumpulan-perkumpulan penulis turut sama menghiasi halaman-halaman periodikal Kelantan seperti *Pengasuh*, *Terok*, *al-Hikmah*, *Kencana*, *Mingguan Kota Bharu*, *Dian*, *Senjata Jiwa* dan *akhbar-akhbar* dan majalah-majalah tanah air seperti *Saudara*, *Warta Malaya*, *Utusan Zaman*, *Mutiara*, *Berita Minggu*, *Mastika* dan *Dewan Bahasa*.¹¹

Lebih awal dari itu, jika ditelusuri sejarah penerbitan majalah di Kelantan, kemasukan alat-alat cetak ke Kelantan berlaku pada zaman pemerintahan Sultan Mansur (1891-1900) yang telah membawa kepada perkembangan media massa dan kerancakan penulisan di Kelantan. Bertitik tolak dalam hal ini, maka muncullah beberapa buah majalah yang banyak mempengaruhi kesedaran sosio budaya dan ekonomi serta politik orang-orang Melayu di Kelantan.¹² Walaupun berbagai majalah telah diterbitkan di Kelantan dalam abad yang lalu, namun peranan majalah *Pengasuh* sebagai majalah agama dan semasa dalam perkembangan dan pembangunan Islam di Kelantan amat besar sekali. Hingga kini Majalah *Pengasuh* masih lagi berdiri teguh dengan keluarannya yang relatif panjang itu dan memberi maklumat kepada masyarakat Islam di Kelantan dengan tulisan-tulisan yang bernas dan segar dihasilkan oleh para ulama' dan intelegensia Melayu Kelantan.

Perkembangan Majalah Pengasuh

Majalah *Pengasuh* merupakan satu-satunya majalah tertua yang masih diterbitkan di Malaysia. Beberapa buah majalah lain yang diterbitkan sebelum dan sezaman dengannya seperti *al-Imam*, *Seri Pustaka*, *Masa* dan *Majalah Guru* sudah tidak diterbitkan lagi.¹³ Sehingga hari ini, majalah *Pengasuh* telah memasuki usianya yang ke-100 tahun. Merupakan suatu tempoh yang relatif panjang dalam sejarah penerbitan majalah di Malaysia. Sejarah penerbitan majalah *Pengasuh* amat berkait rapat dengan penubuhan dan kegiatan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan pada masa itu. Antara tujuan awal Majlis ialah menterjemahkan kitab-kitab Bahasa Arab kepada Bahasa Melayu, di samping beberapa tujuan lain yang turut disenaraikan bersama, iaitu menubuhkan masjid-masjid, memberi pelajaran agama (Bahasa Melayu dan Bahasa Arab), menolong fakir miskin dan lain-lain.¹⁴ Awal tahun 1920-an, iaitu beberapa tahun selepas penubuhannya, telah memperlihatkan bahawa tumpuan utama kegiatan Majlis adalah terarah kepada usaha-usaha untuk merealisasikan tujuan-tujuan awal Majlis sebagaimana yang telah digariskan. Antara kegiatan ini termasuklah mendirikan Madrasah al-Muhammadiyah (1917), menjalankan kutipan zakat fitrah (1917), mengadakan kelas pelajaran Bahasa Inggeris (1918) dan sebagainya.¹⁵

⁸ Alias Mohamad (t.t), *Inteligensia Melayu*, Kuala Lumpur: Insular Publishing House Sdn. Bhd., h. 46.

⁹ A. Wahab Ali (2004), *Perkumpulan – Perkumpulan Penulis Kelantan Sehingga Awal Merdeka dan Sumbangannya Dalam Kesusasteraan Malaysia*, Tanjung Malim: Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris, h. 167 – 168.

¹⁰ *Ibid*, h. 169.

¹¹ *Ibid*, 175.

¹² "Sejarah Penerbitan Majalah di Kelantan," Majalah *al-Fununiyah*, Kota Bharu: Lujnah Penerbitan dan Penerangan Perintis Bakti Malaysia, bil. 10, November 1990, h. 4.

¹³ Abdul Razak Mahmud (1988), "Beberapa Catatan Tentang Majalah *Pengasuh* (1988-1988)," *Majalah Pengasuh*, Bil. 493, Kota Bharu : Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Julai-Ogos 1988, h. 16.

¹⁴ Lihat "*Tujuan Awal Penubuhan Majlis 1916*". Papan kenyataan Majlis Agama Islam Kelantan.

¹⁵ Abdul Razak Mahmud (2005), "*Penerbitan Majalah Pengasuh dalam Tempoh Lapan Dasawarsa*," Kertas Kerja Seminar Sehari Majalah *Pengasuh* anjuran Dewan Bahasa Dan Pustaka Wilayah Timur yang Berlangsung di Kota Bharu pada 15 Julai 2005, h. 2.

Penerbitan majalah Pengasuh merupakan antara aktiviti awal penubuhan MAIK. Oleh kerana antara matlamat awal penubuhan MAIK ialah menterjemahkan kitab-kitab Arab (agama) ke dalam bahasa Melayu¹⁶ disamping beberapa tujuan lain yang turut disenaraikan maka MAIK berusaha mengadakan percetakan sendiri pada tahun 1917. Pada tahun tersebut sebuah mesin cetak telah dibeli dengan harga RM 1,000.00¹⁷ kemudiannya pada tahun 1919 sebuah lagi mesin cetak telah dibeli dengan harga RM 3,135.82 bagi menampung kerja-kerja percetakan yang semakin bertambah.¹⁸ Dengan mempunyai percetakan sendiri maka MAIK telah menerbitkan sebuah majalah yang diberi nama *Majalah Pengasuh*. Majalah ini merupakan lidah rasmi MAIK yang diterbitkan pada hari Khamis 1hb. Syawal 1336 bersamaan 11hb. Julai 1918. Majalah Pengasuh pada keluaran awalnya berukuran 8.1” lebar dan 12.6” panjang dengan mengandungi lapan halaman seperti majalah dan buku-buku yang terbit sezaman dengannya, Majalah Pengasuh menggunakan tulisan jawi dengan kekerapan terbit dua kali sebulan¹⁹ dengan harga 10 sen senaskah. Kemunculan Majalah Pengasuh berkebetulan dengan keadaan di mana seluruh dunia Islam sedang memperkatakan tentang pendekatan dakwah Islamiah dalam perspektif dan rangka baru.

Di sepanjang usianya yang relatif panjang itu, majalah Pengasuh telah dipimpin oleh ramai tokoh ulama’ dan intelektual Melayu. Terdapat sederetan nama yang tidak asing ketokohan mereka dalam dunia persuratan tanah air dan ilmuan Islam yang mengisi ruang-ruang kolum dalam majalah Pengasuh. Nama-nama seperti Haji Muhamad Yusof Awang Kenali (1918-1919), Dato’ Laksamana Haji Muhamad bin Tok Khatib (1919-1933), Dato’ Haji Ahmad Maher (1933-1935), Ahmad Adnan Ariffin (1946-1957), Hassan bin Haji Muhamad (1957-1961), Dato’ Haji Ismail bin Yusoff (1964-1965), Drs. Abdul Ghani Azmi bin Idris (1967-1971),²⁰ Dato’ Haji Yusuf Zaky bin Ya’acob (1975-1995)²¹ adalah gandingan antara tokoh ulama’ dan intelektual Melayu yang telah menjayakan penerbitan majalah Pengasuh merintanggi berbagai cabaran dalam era sebelum dan selepas merdeka.

Pengasuh telah melalui pelbagai peringkat sejarah penerbitannya dan juga telah diberhentikan penerbitannya beberapa kali sebelum merdeka. Apabila Pengasuh diterbitkan semula pada bulan Oktober 1964 (bilangan 338), maka nama pengarang yang tercatat ialah Haji Ismail Yusuf yang juga merupakan seorang guru Ma’ahad Muhammadiyah Arabiah, Kota Bharu.²² Sewaktu Pengasuh terbit semula pada Februari 1967 (bil. 351), Pengarang Pengasuh ialah Drs. Abdul Ghani Azmi Idris, seorang Nazir di Pejabat Guru-Guru Agama Kerajaan Negeri Kelantan. Walaupun ada tercatat nama Yaakub Haji Hassan selaku Ketua Pengarang, namun adalah dipercayai nama ini lebih merupakan sebagai orang yang bertanggungjawab kepada pengurusan penerbitan Pengasuh sahaja.²³ Di bawah tanggungjawab Drs. Abdul Ghani Azmi Idris, Pengasuh telah diterbitkan sehingga bil. 402 (Oktober 1971). Pada bulan Februari 1975, Pengasuh terbit dibawah kendalian petugasnya yang telah bertukar tangan kepada Yusof Zaky Yaacob.²⁴ Di bawah pimpinan beliau, Pengasuh mempunyai tiga orang sidang pengarang yang bertugas secara sambilan yang membantu menjayakan penerbitan Pengasuh. Mereka yang pernah menjadi anggota sidang pengarang ini ialah Khaidir Khatib, Ismail Awang dan Haji Hasan Idris. Apabila mereka berundur seorang demi seorang, maka tiga yang lain akan dilantik menggantikannya iaitu Muhammad Uthman Al-Muhammady, Abdullah Yusof dan Mohamad bin Mahmud.

Dato’ Yusof Zaky bagaimanapun meletak jawatan daripada menjadi Pengarang Pengasuh pada 1hb. Ogos 1995 disebabkan oleh masalah kesihatan dan keperluan untuk mengurangkan beban tugas. Beliau merupakan orang yang paling lama memegang jawatan Ketua Pengarang Pengasuh, mengatasi tempoh pimpinan Dato’ Laksamana yang

¹⁶ Penyata Tahunan MAIK Tahun 1988, Kota Bharu : Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, h. 2.

¹⁷ Penyata Tahunan MAIK Tahun 1917, Kota Bharu : Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, h. 17.

¹⁸ Abdul Razak Mahmud (1988), “Beberapa Catatan Tentang Majalah Pengasuh 1918-1988,” *op.cit.*, h. 17.

¹⁹ *Ibid.*

²⁰ Abdul Razak Mahmud (1993), “Pengarang Majalah Pengasuh 1918-993,” *Majalah Pengasuh*, bil. 528, Kota Bharu : Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Julai-Ogos 1993, h. 31-43.

²¹ Razin.M.S (1999), “Takziah: Dato Yusof Zaky Dalam Kenangan,” *Majalah Pengasuh*, bil. 557, Kota Bharu : Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Mac-April 1999, h. 55.

²² Beliau meninggalkan perkhidmatan perguruan pada 1hb. Mei 1969 apabila dilantik menjadi Qadhi Kota Bharu dan kemudiannya Pendaftar di Pejabat Mufti merangkap Setiausaha pada Mufti Kelantan pada waktu itu iaitu, Haji Muhammad Nor Ibrahim. Pada 15hb Oktober 1979, beliau dilantik menjadi timbalan Mufti yang juga merupakan orang yang pertama menyandang jawatan yang baru diwujudkan itu. Berikutan kematian Dato’ Haji Muhammad Nor Ibrahim, beliau dilantik menjadi mufti pada 1hb. April 1988.

²³ Yaakub Haji Hasan pada masa itu bertugas sebagai Pegawai Agama Majlis Agama Islam Kelantan. Perlantikan beliau sebagai ketua pengarang pengasuh dipercayai dibuat atas nama jawatan yang disandang oleh beliau di Majlis Agama Islam Kelantan.

²⁴ Beliau merupakan Ketua Pengarang DIAN (1961-1984). Anak kepada seorang ulama’ Kelantan yang terkenal iaitu Tuan Guru Haji Yaakub Lorong Gajah Mati, Kota Bharu. Beliau merupakan antara penulis dan penterjemah buku-buku Islam yang sangat dihormati di Malaysia. Beliau juga merupakan penerima anugerah Ijazah Kehormat Sarjana Persuratan daripada Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor pada 21hb. Ogos 1982. beliau meninggal dunia pada pagi 1 Syawal 1419 bersamaan 19hb. Januari 1999.

memegang jawatan yang sama selama 15 tahun (Oktober 1919 – Disember 1933). Kemudiannya tempat beliau dipangku oleh Encik Muhammad bin Mahmud yang juga merupakan Pegawai Penerbitan Majlis Agama Islam Kelantan mulai Pengasuh bilangan 540 sehingga 2013.²⁵ Sebenarnya dari penerbitan majalah Pengasuh itu MAIK tidaklah tertumpu kepada tujuan keuntungan perniagaan. Hasrat MAIK yang sebenarnya ialah ingin menjadikan majalah Pengasuh sebagai lidah rasmi dalam menyebarkan pengajaran agama, nasihat dan teguran agama kepada orang ramai dalam usaha membina masyarakat Islam yang dinamik dan maju. Oleh yang demikian, MAIK merasa bangga kerana majalah Pengasuh dapat dilangsungkan penerbitannya walaupun menghadapi berbagai masalah dan kerugian dari segi kewangan.²⁶

Walaupun majalah Pengasuh telah mengalami berbagai cabaran rebah bangun dan perubahan demi perubahan dalam sejarah penerbitannya namun sumbangannya tidak pernah berubah dari sebuah majalah yang berteraskan agama Islam yang menampung berbagai aliran pandangan ketua pengarangnya.

Dato' Yusoff Zaky Ya'cob (Januari 1975 – 1hb. Ogos 1995)

Dato' Yusoff Zaky Ya'cob dilahirkan pada 13hb. Jun 1928 di Kota Bharu. Beliau telah berjaya mengukir nama dalam barisan tokoh-tokoh ulung Negeri Kelantan khasnya dan Malaysia amnya. Beliau adalah seorang cerdik pandai Islam, usahawan, penulis, penggiat masyarakat, pendidik dan pendakwah serta pengarang yang menghabiskan seluruh hidupnya di bidang penulisan yang begitu luas.²⁷ Beliau merupakan anak ketiga daripada tujuh orang adik-beradik, ialah anak kepada seorang guru agama yang terkemuka. Selepas menerima pendidikan awal daripada ayahandanya sendiri dan daripada beberapa orang ulama' yang terkenal seperti Tuk Khurasan²⁸ dan ramai lagi. Beliau melanjutkan pelajarannya di Sekolah Majlis Kota Bharu, dan kemudiannya di Sekolah Arab Jame' Marbawi Al-Ismaili, Kota Bharu.²⁹

Apabila Peperangan Asia Pasifik meletus, beliau dan rakan-rakannya menceburkan diri dalam gerakan politik sehingga terpilih menjadi salah seorang ahli Jawatankuasa Agung Kesatuan Melayu Muda (KMM). Penglibatan ini telah mendedahkan beliau kepada liku-liku perjuangan politik, khususnya politik menentang penjajahan. Selepas perang, beliau dan rakan-rakannya menubuhkan sebuah persatuan yang dikenali dengan nama Persatuan Pemuda dan beliau dilantik menjadi penasihatnya. Pada tahun 1949, beliau telah melanjutkan pelajaran ke Mesir, iaitu di Universiti Al-Azhar dan kemudiannya di Universiti Kaherah. Semasa di Mesir, beliau banyak berbakti untuk menjaga kebajikan pelajar-pelajar Melayu di sana, sehingga beliau terpilih menjadi Yang Dipertua Persatuan Pelajar Melayu Semenanjung di Kaherah.

Selepas enam tahun menerima ilmu pengetahuan di Mesir, maka beliau pun kembali ke tanah air dengan semangat yang bersemarak dan berkobar-kobar untuk meneruskan cita-cita dan perjuangan yang belum lagi selesai. Beliau bergiat di dalam kegiatan kemasyarakatan dan menceburkan diri dalam bidang politik. Beliau telah diberi penghormatan oleh kerajaan apabila beliau dilantik sebagai salah seorang Ahli Jawatankuasa Penggubal Perlembagaan Negeri Kelantan Bahagian Kedua yang masih digunapakai.³⁰ Beliau juga pernah dilantik menjadi salah seorang ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Kelantan selama beberapa tahun. Selain itu juga, beliau menceburkan diri dalam dalam bidang perniagaan, khususnya di bidang penerbitan dengan menubuhkan sebuah percetakan, iaitu Pustaka Dewan Press pada 2hb. March 1957 di Lorong Gajah Mati, Kota Bharu.³¹

²⁵ Beliau lahir di Simpang Tiga Merak, Palekbang, Kelantan, pada 13 April 1947 dari leluhur keluarga asal Patani. Selepas menamatkan pengajian menengahnya di Ma'ahad Muhammadiyah, Kota Bharu pada tahun 1967. Beliau menjadi guru sambilan di Madrasah Yaakubiah, nipah, Bachok sebelum menjadi Penggawa pada tahun 1973. pada tahun 1974, beliau menyambung pengajian di fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan tamat pada pertengahan tahun 1977. Pernah bertugas di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur dan menjadi guru di Madrasah Muhammadiyah, Kota Bharu sebelum menyertai Majlis Agama Islam Kelantan pada Januari 1985. beliau dilantik menganggotai sidang pengarang Pengasuh pada Mac 1985 (Pengasuh bilangan 478) dan Pengarang Pengasuh pada 26hb. Oktober 1991 (Pengasuh bil. 517). Beliau mula menulis sejak tahun 1965.

²⁶ Dato' Haji Muhamad Yusof bin Hasan (1964), *Penyata Tahunan MAIK Tahun 1964*, Kota Bharu : Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, h. 20. Dokumen tersimpan di Perpustakaan Islam MAIK dengan no. 93/01635.

²⁷ Razian S.M. (1999). "Dato' Yusuf Zaky dalam Kenangan," *Pengasuh*, bil. 557, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, (March – April 1999 / ZulQa'edah – Zulhijjah 1419), h. 53.

²⁸Lihat Ismail Awang, (1987), "Maulana Tok Khurasan," *Pengasuh*, bil. 489, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, Oktober-November 1987, h. 21-30.

²⁹ Razian S.M. (1999). "Dato' Yusuf Zaky dalam Kenangan," *Pengasuh*, bil. 557, Op.cit, h. 53.

³⁰ *Ibid.*, h. 54.

³¹ *Ibid.*

Pada tahun 1961, beliau mengambil inisiatif berani dengan menerbitkan sebuah majalah separa ilmiah yang pertama di Malaysia, iaitu Majalah DIAN. Ianya diterbitkan dalam tulisan Jawi, kemudian diterbitkan dalam dua edisi iaitu Rumi dan Jawi. Selain Majalah DIAN, antara majalah yang telah diterbitkan oleh Dato' Yusoff Zaky Ya'cob ialah *Santapan Jiwa* (1980) dan *Peristiwa* (1990).³² Namun, kedua-dua majalah ini tidak dapat bertahan lama dan dihentikan penerbitannya disebabkan oleh kekurangan tenaga pekerja dan banyak persaingan serta cabaran. Pada bulan Februari 1975, beliau dilantik sebagai Pengarang Pengasuh. Sepanjang penerbitan majalah Pengasuh di bawah pimpinan beliau, Pengasuh telah menjadi salah sebuah majalah yang diminati ramai.

Sepanjang memegang jawatan ketua pengarang majalah-majalah yang diterbitkan tersebut, beliau banyak menghasilkan karya-karya dalam pelbagai bentuk, sama ada hasil penulisannya sendiri atau terjemahan daripada pengarang-pengarang yang terkenal. Banyak bidang yang beliau terokai termasuk rencana ilmiah, kritik masyarakat, politik, agama, budaya dan sastera, termasuk juga cerpen dan puisi. Sumber-sumber terjemahan beliau adalah daripada Bahasa Inggeris dan Arab. Selain mengendalikan penerbitan Majalah Pengasuh, beliau juga banyak menulis dan menterjemah buku-buku, termasuklah buku-buku teks untuk kegunaan sekolah-sekolah di seluruh Malaysia. Antara hasil karya beliau yang popular dan terkenal ialah *Psikologi Kanak-Kanak, Psikologi Remaja, Dunia Rahim, Dari Rahim Ke Dunia, Dari Rahim Sampai Remaja, Ilmu Jiwa, Mencari Kejenihan Jiwa, Ppsikologi Takut, Menuju Ke Jambatan Allah, Salah Faham Terhadap Islam, Islam Diliputi Awan Mendung, Memahami Jiwa Manusia Menurut Perspektif Islam* dan sebagainya.³³

Pada tahun 1982, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah mengurniakan Ijazah Kehormat Sarjana Persuratan, dan pada tahun 1992, Kerajaan Negeri Kelantan telah mengurniakan pula gelaran *Tokoh Buku*, diikuti dengan pengurniaan *Tokoh Ma'al Hijrah 1998/1419* oleh Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Beliau meninggal dunia pada pagi Selasa 1 Syawal 1419H bersamaan 19hb. Januari 1999.³⁴

Tulisan Dato' Yusoff Zaky dalam Pengasuh

Penulisan Tafsir Mawdu'i Yusoff Zaky dalam majalah *Pengasuh* dilakukan dalam kolum tetap 'Di bawah Gema al-Qur'an'. Kolum ini bermula pada majalah *Pengasuh* bilangan 403 (edisi Februari 1975) sehingga bilangan 469 (edisi Disember 1982). Penulisan 'Di bawah Gema al-Qur'an' dilakukan secara konsisten kecuali terdapat beberapa keluaran yang ditangguh dari penulisannya. Sepanjang tempoh tersebut, penulisan 'Di bawah Gema al-Qur'an' tergendala pada beberapa keluaran iaitu bilangan 455 (Oktober 1980), 456 (November 1980), 457 (Disember 1980), 458 (Januari 1981), 459 (Februari-Mac 1981), 462 (September - Oktober 1981) dan 467 (September 1982).

Ini bermakna, sepanjang hampir lapan tahun penulisannya dalam majalah *Pengasuh*, penulisan Yusoff Zaky hanya tergendala 1 dalam tujuh keluaran sahaja. Tempoh lapan tahun penulisan dalam sesebuah majalah, merupakan sam tempoh yang panjang sehinggakan beliau hampir menyiapkan pentafsiran surah al-Baqarah. Penulisan 'Di Bawah Gema al-Qur'an' berakhir dalam majalah *Pengasuh* bilangan 469 edisi Januari-Mac 1983. Ayat terakhir yang ditafsirkan oleh beliau ialah ayat 219 surah al-Baqarah dengan menggunakan tajuk 'Arak dan Judi'. Berakhirnya penulisan kolum 'Di Bawah Gema al-Qur'an' mungkin disebabkan penumpuan yang diberikan oleh Yusoff Zaky kepada proses penterjemahan *Fi Zilal al-Quran* karya Sayyid Qutb. Buktinya bermula *Pengasuh* bilangan 471, beliau memuatkan dalam majalah tersebut saringan terjemahan *Fi Zilal al-Quran* surah al-Fatihah. Manakala pada bilangan-bilangan yang seterusnya beliau memuatkan saringan terjemahan surah al-Nas, al-Falaq, al-Lahab, al-Nasr, al-Kafirun, dan al-Kawthar.

Penulisan 'Di Bawah Gema al-Qur'an' tergendala mungkin disebabkan oleh kekangan tugas beliau selaku Ketua Pengarang Pengasuh di samping tugas-tugas penulisan dan penerbitan buku-buku yang diusahakan sebelum menjawat jawatan Ketua Pengarang Pengasuh. Adapun Ciri utama *tafsir al-Mawdui* dalam tulisan Yusoff Zaky ialah beliau mengelompok ayat-ayat al-Quran di bawah satu tema dan menghuraikannya mengikut tema yang ditentukan. Tajuk-tajuk yang pernah dibincangkan oleh beliau mengenai tafsir al-Quran sebanyak 61 tajuk kesemuanya, antara tajuk-tajuk itu ialah:

³² Berita Majlis. (1995), *Pengasuh*, bil. 540, Kota Bharu : Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, November-Disember 1995/Jamadir Akhir-Rejab 1416.

³³ Razian S.M. (1999). "Dato' Yusuf Zaky dalam Kenangan," *Pengasuh*, bil. 557, Op. cit, h. 55.

³⁴ *Ibid.*

1. "Al-Qur'an: Pendirian Manusia yang Bertakwa. *Pengasuh* bil. 403, edisi Februari 1975M1 Muharram 1395H, h.28-29.
2. "Musuh-Musuh Islam Di Setiap Zaman Dan Tempat". *Pengasuh* bil. 404, edisi Mac 1975M/ Safar 1395H, h.30-31.
3. "Dolak Dalik Musuh-Musuh Islam". *Pengasuh* bil. 405, edisi April 1975M/ Rabiulawwal 1395H, h.30-31.
4. "Kesiksaan Jiwa Kaum Munafikin". *Pengasuh* bil. 406, edisi Mei 1 975M/ Rabiulakhir/ Jamadilawal I 395H, h.30-3 1.
5. "Matlamat Agung Hidup Manusia". *Pengasuh* bil. 407, edisi Jun 1 975M/ Jamadilakhjr
6. "Umat Yahudi Yang Tidak Bersyukur". *Pengasuh* bil. 416, edisi Jun-Julai 1976M/ Jamadilakhir/ Rejab 1396H, h.30-32.
7. "Hari Sabtu Dalam Agama Yahudi". *Pengasuh* bil. 425, edisi Ogos 1977M/ Sya'ban-Ramadhan 1397H, h.30-34.
8. "Kemusnahan keaslian Taurat". *Pengasuh* bil. 427, edisi November 1977M/ Zulkaedah 1397H, h.30-33.
9. "Sikap ahli kitab (Bahagian Pertama)". *Pengasuh* bil. 433, edisi Mei 1978M/ Jamailakhir 1398H, h.30-33.
10. "Sikap ahli kitab (Bahagian Kedua)". *Pengasuh* bil. 434, edisi Jun 1978M/ Rejab 1398H, h.30-35.

Masih terdapat beberapa tulisan beliau yang lain mengenai tajuk-tajuk yang berbagai merangkumi ulasan mengenai hadith nabawi, politik, pendidikan, sosio budaya dan banyak lagi yang tidak disenaraikan dalam senarai di atas.

Perbincangan Tentang Tulisan Dato Yusof Zaky

Berdasarkan tajuk-tajuk yang disenaraikan di atas, Yusoff Zaky bijak memilih ayat-ayat al-Quran yang selari atau senada antara tajuk dengan isi kandungan yang dibincangkan. Terdapat pada beberapa tajuk tertentu, beliau hanya menghuraikan satu ayat al-Qur'an sahaja, manakala di sesetengah tajuk yang lain, beliau menghuraikan dua, tiga, malah terdapat juga sehingga sembilan ayat al-Qur'an dihuraikan dalam tajuk tertentu. Bagi sesetengah himpunan ayat al-Qur'an yang terlalu panjang atau skop tajuk yang terlalu luas sehingga tidak mencukupi perbincangan pada sesuatu keluaran, Yusoff Zaky akan memecahkannya kepada beberapa bahagian dan diterbitkan dalam dua keluaran seperti tajuk "Sikap Ahli Kitab" terdapat tiga terbitan iaitu bahagian I, II dan III keluaran *Pengasuh*. Ianya diterbitkan dalam *Pengasuh* bilangan 433, 434 dan 435. Perkara ini juga berlaku pada ayat 122 hingga 134 surah al-Baqarah yang bertemakan Nabi Ibrahim. Bagi mentafsirkan ayat ini, Yusoff Zaky juga membahagikan perbincangannya kepada tiga bahagian dengan tajuk 'Ibrahim Bapa Anbiya' yang diterbitkan dalam *Pengasuh* bilangan 437, 438 dan 439.

Bagi tajuk yang mempunyai skop yang luas pula, Yusoff Zaky akan menggunakan kaedah yang sama iaitu membahagikan perbincangan kepada beberapa bahagian. Contohnya tajuk berkaitan dengan ibadat Puasa yang hanya disentuh oleh lapan ayat al-Qur'an, tetapi Yusoff Zaky membincangkan dalam tiga bahagian dengan menggunakan tajuk 'Ibadat Puasa' dan diterbitkan dalam *Pengasuh* bilangan 452, 453 dan 454. Walaupun secara umumnya beliau menggunakan satu tajuk dalam setiap keluaran *Pengasuh*, kedapatan juga beliau menulis dua artikel dalam satu keluaran. Sebagai contoh pada *Pengasuh* bilangan 460, beliau menghuraikan dua tajuk sekaligus iaitu tajuk 'Harta Haram' dan 'Hikmah Anak Bulan' bagi mentafsirkan ayat 188 hingga 189 surah al-Baqarah.

Dato Yusoff Zaky secara tetapnya mengendalikan tema "Tafsir al-Quran" dengan ruangan yang diberi nama "Di Bawah Gema al-Quran". Adapun ruangan "Hadith Nabawi" dikendalikan secara bersama antara beliau dengan beberapa penulis tamu yang lain di bawah tajuk "Sabda Suci". Manakala ruangan "Khutbah" diambil dari siri Khutbah Jumaat yang diedarkan oleh MAIK kepada para imam melalui *Penagsuh*. Tema "Kesusasteraan Islam" disiarkan di bawah ruangan "Getaran Sukma" yang mendapat sambutan dari ramai penulis tamu untuk menyiarkan cerpen, sajak, pantun dan syair mereka yang bersifat keislaman. Ruangan "Kiriman Pengarang" merupakan kumpulan surat kiriman dari pembaca *Pengasuh* yang cuba berkolaborasi sesama mereka melalui surat kiriman yang disiarkan dalam ruangan tersebut. Nama ruangan ini telah berubah kemudiannya kepada nama "Fikiran Pembaca". Adapun ruangan "Rencana Pengarang" dikendalikan oleh Sidang Redaksi secara tetap.

Tema “Tafsir al-Quran” dalam *Pengasuh* dikendalikan oleh Dato’ Yusoff Zaky secara sendirian sepanjang lima tahun ini. Semua tulisan beliau di bawah tema ini merupakan terjemahan bebas dari kitab *Fi Zilal al-Quran*.³⁵ Ruangan ini bermula dari tahun 1975 hingga ke penghujung tahun 90-an. Kekekapan tema ini begitu baik sekali di mana hampir semua keluaran *Pengasuh* pasti akan terdapat ruangan “Di Bawah Gema al-Quran”. Namun sejak tahun 1990 ruangan ini tidak lagi disiarkan sama seperti ruangan khutbah. Mungkin dalam tahun 1990 dan selepasnya Dato’ Yusoff Zaky lebih banyak menumpukan kepada usahanya untuk menyiapkan terjemahan tafsir al-Quran karya Syed Qutb yang berjudul *Fi Zilal al-Quran*. Perkara yang sama berlaku pada tema “Hadith Nabawi” dikendalikan secara sendirian oleh beliau pada awal tahun 80-an dan kemudiannya secara bersama dengan beberapa penulis tamu yang lain di bawah tajuk “Hadith-hadith Pilihan”. Dari tahun 1980 hingga tahun 1981 tema Hadith Nabawi ditulis dalam ruangan “Hadith-hadith Pilihan” namun setelah itu pada tahun 1982 tema ini tidak lagi mempunyai ruangan khusus dan penulisanya sering bertukar ganti.

Dalam bil. 406, Dato’ Yusoff Zaky memulakan siri Tafsir al-Quran dengan tajuk “Keseksaan Jiwa Kaum Munafik”.³⁶ Beliau memetik ayat 17 hingga 20 dari surah al-Baqarah yang membicarakan mengenai sifat dan gelagat kaum Munafik. Setelah menjelaskan apakah sifat dan ciri-ciri kaum Munafik berdasarkan ayat tersebut beliau membuat kesimpulan dan saranan. Dalam kesimpulannya beliau mengatakan, kaum munafik adalah mereka yang memainkan peranan paling keji dalam masyarakat, jiwa mereka sentiasa bergelora dan sengsara, mereka ini tidak mempunyai pendirian dalam hidup, keberadaan kaum Munafik amat bahaya sekali jika dilihat dari keselamatan masyarakat di mana mereka boleh menyelip masuk dalam masyarakat dan menjadi mata dan telinga kepada musuh.³⁷ Beliau menyarankan agar sistem pendidikan Islam diperkasakan agar nilai-nilai murni seorang yang ikhlas dan beriman kepada Allah dapat ditanam dalam jiwa umat Islam melalui pendidikan, kata beliau: “ruang yang sempit diberikan kepada sistem pendidikan Islam untuk berperanan dalam sistem pendidikan negara menyebabkan lahirnya generasi yang mendewakan sains dan nilai-nilai hidup kebendaan dan hedonisme”.

Dalam bil. 433, beliau menulis lagi dalam siri Tafsir al-Quran dengan tajuk “Sikap Ahli Kitab”.³⁸ Beliau memetik ayat 104 hingga 108 dari surah al-Baqarah yang membicarakan mengenai sikap kaum Yahudi. Setelah menjelaskan apakah sikap kaum Yahudi terhadap Baginda s.a.w. berdasarkan ayat tersebut beliau menjelaskan mengenai orang Yahudi dalam dua perkara; (1) orang Yahudi suka mempersedakan ajaran agama dengan memutarbelitkan terminologi sesuatu perkara, perkataan tersebut asalnya haram dan buruk maka mereka cuba memberi perkataan yang lain agar ianya nampak baik walaupun makna asalnya tetap buruk dan keji, (2) sikap hasad dengki yang melampau sehingga membenci semua perkara yang datang dari orang lain walaupun baik.³⁹

Dapatlah dikatakan bahawa Yusoff Zaky cuba menjadikan *Pengasuh* sebagai sebuah semi-jurnal di mana setiap tulisan yang disiarkan mempunyai standard akademik yang sesuai dan penulisan beliau dijadikan contoh bahawa perkara yang remeh dan emosi tidak seharusnya dimasukkan dalam tulisan yang bermaruah. Setiap data yang dipersembahkan haruslah diulas dengan penuh saksama tanpa prajudis dan bias terhadap sesuatu pandangan peribadi atau isu. Beliau menunjukkan kepada para pembaca bahawa sikap ini begitu jelas sekali dalam tulisan-tulisan beliau sehingga *Pengasuh* dianggap sebagai sebuah majalah separa ilmiah dalam lingkungan majalah agama pada masa itu. Demikian juga roh dan semangat ini bagaikan mengalir dalam setiap huruf yang ditulis oleh penulis-penulis tetap *Pengasuh* seperti Khaidir Kahtib, Muhammad Uthman el-Muhammadi, Abdullah Yusof, Ismail Awang, Ismail Che Daud, Abdul Razak Mahmud, Datuk Dr. Mahmud Zuhdi Abdul Majid, Dato’ Haji Ismail Yusoff, Mohd Kamil Abdul Majid, Dr. Abdul Hayei bin Abdul Shukor, Drs. Abdul Ghani Azmi dan ramai lagi. Walaupun pernah berlaku sedikit perbezaan dan pertelingkahan pandangan antara dua penulis tetap *Pengasuh* iaitu di antara Drs. Abdul Ghani Azmi dengan Dr. Abdul Hayei Abdul Shukor namun perbezaan pandangan antara mereka berdua boleh dijadikan model kepada pembaca *Pengasuh* akan corak dan bentuk perbezaan pendapat yang harmoni.

³⁵ Kekadang penulis ruangan “Belajar Bahasa al-Quran” menggunakan nama penanya, iaitu Aslama Azmi. Nama ini adalah nama pena bagi Drs. Abdul Ghani Azmi.

³⁶ Yusoff Zaky (1975), “Keseksaan Jiwa Kaum Munafik,” *Pengasuh*, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, bil. 406, Mei 1975, h. 30-31.

³⁷ *Ibid.*

³⁸ Yusoff Zaky (1978), “Sikap Ahli Kitab,” *Pengasuh*, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, bil. 433, Mei 1978, h. 30-33.

³⁹ *Ibid.*

Perbezaan pandangan itu adalah suatu yang lumrah dan tabie dalam kehidupan, namun apa yang ingin dinyatakan oleh Sidang Pengarang bahawa tidak semua penulis *Pengasuh* sendiri mempunyai pandangan yang sama dalam semua perkara. Namun perbezaan itu tidaklah membawa kepada perbalahan yang merugikan. Terdapat beberapa tajuk artikel yang pernah ditulis oleh Drs. Abdul Ghani Azmi disangkal atau setidaknya dipersoalkan oleh Dr. Abdul Hayei dalam artikel yang lain. Antara tajuk artikel yang menjadi pertembungan pandangan itu ialah “Hadith-hadith yang Tidak Sohih Mengenai Haji, Umrah dan Ziarah”. Tajuk ini ditulis oleh Drs. Abdul Ghani Azmi dalam *Pengasuh* bil. 533, ianya merupakan siri Hadith-hadith Doif yang telah dikendalikan oleh beliau sejak tahun 1991 lagi.

Dalam *Pengasuh* bil. 534,⁴⁰ Dr. Abdul Hayei Abdul Shukor mengemukakan pandangannya sebagai reaksi terhadap tulisan Drs. Abdul Ghani Azmi dalam keluaran lepas. Beliau tidak bersetuju dengan beberapa pandangan Drs. Abdul Ghani Azmi dalam memberi nilai kepada beberapa hadith yang berkaitan dengan tajuk di atas. Walaupun Dr. Abdul Hayei mempunyai pandangan yang berbeza sekali dengan Drs. Abdul Ghani Azmi namun rasa hormat dan memuliakan ulama serta kawan masih menebal dalam diri kedua penulis tetap *Pengasuh*. Oleh itu saya merasakan perbezaan pandangan antara mereka berdua menjadi contoh kepada pembaca *Pengasuh* bahawa kita mungkin berbeza pandangan namun itu tidak seharusnya menjadikan kita berpecah dan saling menghina.

Seperti yang telah dinyatakan di atas bahawa kebanyakan penulis tetap *Pengasuh* adalah terdiri dari para ulama dan ahli akademik yang berwibawa. Tulisan mereka lebih bercorak akademik tidak bersifat popular. Itulah yang menjadikan *Pengasuh* sebagai majalah yang mempunyai standard sendiri sehingga dijadikan sebagai rujukan kepada umat Islam di Kelantan khususnya oleh para Imam, agamawan dan rakyat semuanya. Dr. Mahmud Zuhdi banyak menulis dalam bidang perundangan Islam dan penulisan beliau lebih kerap disiarkan dalam tahun-tahun 90-an. Terlebih dahulu dari beliau Dato' Haji Ismail Yusoff banyak menulis dalam bidang Perundangan Islam dalam tahun-tahun awal penerbitan *Pengasuh* di bawah pimpinan Dato' Yusoff Zaky iaitu sekitar tahun 1975-1978.

Tulisan mereka berdua menggunakan pendekatan akademik yang banyak memaparkan data-data yang berkaitan kemudian data-data tersebut diolah sesuai dengan tajuk yang nyatakan dengan mengelak dari unsur emosi, bias dan keterlaluan penggunaan perkataan yang panjang seperti yang sering menjadi kecenderungan para penulis majalah popular. Tulisan-tulisan yang disiarkan oleh *Pengasuh* dalam era ini telah diikat dengan satu standard tersendiri yang digariskan oleh Sidang Redaksi.

Antara ciri yang nyata terserlah dalam kebanyakan artikel *Pengasuh* ialah (1) artikel itu haruslah berkaitan dengan Islam sama ada mengenai nas-nas agama, doktrin Islam, sejarah umat Islam, hukum-hukum Islam dan politik Islam, (2) artikel itu cuba membincangkan satu persoalan khusus dan lengkap dalam lingkungan perbincangannya walaupun ianya bersiri, (3) penulis artikel haruslah bersikap berkecuali dari menyentuh sesuatu yang sensitif dalam masyarakat, (4) pendekatannya lebih bersifat berbincang, memujuk, menerangkan, dan memberi harapan akan kesedaran kepada para pembaca.

Empat ciri ini begitu terserlah sekali dalam setiap artikel yang disiarkan dalam *Pengasuh* khususnya dalam era kepimpinan Dato' Yusoff Zaky. Ciri sebuah majalah itu masih terserlah dalam penyusunan ruangan *Pengasuh*, oleh kerana itulah *Pengasuh* masih dikategorikan sebuah majalah iaitu mempunyai pelbagai maklumat atau juga disebut penuh dengan bunga rampai pengetahuan yang berkaitan dengan Islam dan kehidupan manusia. Namun bahan dan tajuk yang diperbincangkannya tidaklah bersifat semasa yang hanya boleh dimanfaatkan hanya untuk ruang masa dan tempat tertentu sahaja. Sebaliknya tajuk dan perbincangan *Pengasuh* lebih bersifat dasar, teori, hukum fekah, sejarah dan perbincangan akademik boleh dijadikan rujukan pada bila-bila masa dan di mana tempat oleh umat Islam. Sebagai contoh, tulisan-tulisan dalam *Pengasuh* sepanjang era ini mengenai sejarah ulama di Malaysia akhirnya menjadi dua buah buku sejarah yang penting mengenai ulama Melayu di Semenanjung yang sudah lapan kali diulang cetak oleh MAIK. Artikel-artikel yang ditulis oleh Dato' Yusoff Zaky sendiri, kemudiannya oleh Ismail Awang, Ismail Che Daud, Abdul Razak Mahmud, Muhammad Uthman el-Muhammadi dan ramai lagi penulis tetap dan sampingan mengenai tema “Tokoh Ulama” akhirnya menjadi sebuah hasil kajian sejarah yang menjulang jasa dan bakti para ulama Melayu di Malaysia.

⁴⁰ Dr. Abdul Hayei Abdul Shukor (1994), “Hadith-hadith yang Tidak Sohih Mengenai Haji,” *Pengasuh*, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, bil. 534, Julai-Ogos 1994, h. 26-28.

Manakala tajuk-tajuk mengenai perundangan Islam yang ditulis oleh Dr. Mahmud Zuhdi dan Dato' Ismail Yusoff adalah merupakan kertas kerja yang dibentangkan oleh mereka berdua dalam beberapa seminar. Demikian juga dengan tulisan dari Dr. Abdul Hayei mengenai hadith amat bermutu sekali kerana beliau merupakan seorang Prof. Madya dalam bidang Pengajian Hadith di Aakdemi Pengajian Islam, Univesiti Malaya, Kuala Lumpur.

Kesimpulan

Dari perbincangan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa Dato' Yusoff Zaky mempunyai cara dan pendekatan yang tersendiri dalam setiap tulisan beliau yang diterbitkan. Walaupun penulisan beliau khususnya mengenai tafsir lebih mirip kepada tuulisan Sayyed Qutb, namun keaslian idea dan susun atur perbincangan serta contoh yang diberi masih tulen dan asli dari karya beliau. Beliau juga telah membawa beberapa perubahan kepada *Pengasuh* yang akhirnya *Pengasuh* mempunyai nama dan kedudukan yang tersendiri di antara majalah-majalah agama di Malaysia dan yang paling istimewanya di Kelantan sepanjang kepimpinannya selama 11 tahun yang bermula dari tahun 1975-1995. Perubahan ke arah penambahbaikan itu berlaku secara beransur-ansur dari setahun ke se tahun. Beliau tidak berkerja sendirian sebaliknya dibantu oleh beberapa penulis muda dan rakan-rakan yang ihklas berbakti kepada agama dalam usaha melangsungkan penerbitan *Pengasuh* sehingga mampu bertahan walaupun pelbagai masalah terpaksa dihadapi.

Mungkin corak fizikal *Pengasuh* dan gaya penulisan para penulis dalam era beliau telah mengalami sedikit perubahan dalam kepelbagaian berbanding dengan *Pengasuh* semasa dalam era Drs. Abdul Ghani Azmi dan era Dato' Haji Ismail Yusoff, namun dasar dan falsafah *Pengasuh* masih kuat dan utuh dipertahankan iaitu sikap berkecuali dari arena politik dan konflik dengan tidak mengadaikan semangat ambil peduli terhadap permasalahan ummah. Kesemua penulis artikel *Pengasuh* mempersembahkan tulisan mereka dalam bentuk menerangkan, memujuk, mengajak dengan cara yang berhemat serta mengelak diri dari memperkatakan persoalan yang menjadi perselisihan antara umat Islam.

Dato' Yusoff Zaky, Drs. Abdul Ghani Azmi dan Dato' Ismail Yusoff telah berjaya menerajui *Pengasuh* untuk terus berbakti kepada khalayak pembacanya agar memahami ajaran Islam yang betul, bangkit menolak segala kemungkaran dan kerosakan dengan cara yang berhikmah di samping menghidangkan kepada mereka pelbagai ilmu dan pengetahuan am yang dapat membantu minda pembacanya agar celik persekitaran. Walaupun beliau tidak lagi memimpin *Pengasuh* selepas beliau berhenti kerana keuzuran pada tahun 1995, namun dia tetap menjadi salah seorang penyumbang artikel dalam *Pengasuh* beberapa bilangan selepas itu.

Rujukan

A. Wahab Ali (2004), *Perkumpulan – Perkumpulan Penulis Kelantan Sehingga Awal Merdeka dan Sumbangannya Dalam Kesusasteraan Malaysia*, Tanjung Malim: Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Abdul Razak Mahmud (2005), “Penerbitan Majalah *Pengasuh* dalam Tempoh Lapan Dasawarsa,” Kertas Kerja Seminar Sehari Majalah *Pengasuh* anjuran Dewan Bahasa Dan Pustaka Wilayah Timur yang Berlangsung di Kota Bharu pada 15 Julai 2005.

_____ (1988), “Beberapa Catatan Tentang Majalah *Pengasuh* (1988-1988),” *Majalah Pengasuh*, Bil. 493, Kota Bharu : Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Julai-Ogos 1988.

_____ (1988), “Beberapa Catatan Tentang *Pengasuh*,” *Pengasuh*, Kota Bharu: Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, bil. 493, Julai- Ogos 1988.

_____ (1993), “Pengarang Majalah *Pengasuh* 1918-993,” *Majalah Pengasuh*, bil. 528, Kota Bharu : Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Julai-Ogos 1993.

Alias Mohemad (t.t), *Inteligensia Melayu*, Kuala Lumpur: Insular Publishing House Sdn. Bhd.

Berita Majlis. (1995)., *Pengasuh*, bil. 540, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, November-Disember 1995/Jamadil Akhir-Rejab 1416.

Dato' Haji Muhamad Yusof bin Hasan (1964), *Penyata Tahunan MAIK Tahun 1964*, Kota Bharu : Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, h. 20. Dokumen tersimpan di Perpustakaan Islam MAIK dengan no. 93/01635.

Dr. Abdul Hayei Abdul Shukor (1994), "Hadith-hadith yang Tidak Sohih Mengenai Haji," *Pengasuh*, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, bil. 534, Julai-Ogos 1994

Hamed Mohd Adnan (2000), "Profil Ringkas Penerbitan Majalah Melayu Abad Ke-20," Prosiding Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu, Anjuran Dewan Bahasa Dan Pustaka dan Universiti Pendidikan Sultan Idris pada 24-25 Ogos 2000.

Hassan Harun (1999), *Kelantan Rakyat Dinamik, Negeri Semakin Ketinggalan*, Kuala Lumpur: DD Mediaconsult Sdn. Bhd.

Ismail Awang (1987), "Maulana Tok Khurasan," *Pengasuh*, bil. 489, Kota Bharu : Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, Oktober-November 1987.

Ismail Husin (1972), "Kesusasteraan Kelantan," *Dewan Sastra*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Lotfi Ismail (1976), *Sejarah Malaysia 1400-1963*, Kuala Lumpur: Utusan Melayu Berhad, h. 2- *Encyclopaedia Religion and Ethic*, vol. 8.

Nik Mohamed bin Nik Mohd Salleh (1984), *Warisan Kelantan III*, Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

Penyata Tahunan MAIK Tahun 1917, Kota Bharu : Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

Penyata Tahunan MAIK Tahun 1988, Kota Bharu : Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

Razian S.M. (1999), "Dato' Yusuf Zaky dalam Kenangan," *Pengasuh*, bil. 557, Kota Bharu : Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, (March – April 1999 / ZulQa'edah – Zulhijjah 1419).

Sir Frank Swettenham (t.t), *British Malaya*, Singapore: Allen and Unwin.

William. R. Roff (1974), *Kelantan: Religion, Society, and Politics in Malay State*, Kuala Lumpur-London: Oxford University Press.

Yusoff Zaky (1975), "Kesiksaan Jiwa Kaum Munafik," *Pengasuh*, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, bil. 406, Mei 1975.

_____ (1978), "Sikap Ahli Kitab," *Pengasuh*, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, bil. 433, Mei 1978.

_____ (1980), "Tanggungjawab Sosial," *Pengasuh*, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, bil. 449, Februari 1980.

"Sejarah Penerbitan Majalah di Kelantan," *Majalah al-Fununiyah*, Kota Bharu: Lujnah Penerbitan dan Penerangan Perintis Bakti Malaysia, bil. 10, November 1990.